

UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA
PENUTUP PERTANDINGAN MEMBACA AL-
QURAN DI STADIUM MERDEKA, KUALA
LUMPUR, PADA 18HB OKTOBER, 1973

Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan
Agong¹ dan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Raja
Permaisuri Agong,²

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun,

Bagi pihak hadirin dan rakyat jelata seterusnya, patik men-
junjung kasih yang tidak terhingga terhadap Ke bawah Duli
Tuanku berdua kerana limpah perkenan Duli-duli Tuanku
mencemar duli hadir di majlis penutup Pertandingan ini.
Sesungguhnya patik sekalian dan juga rakyat Duli Tuanku
merasa sangat bertuah kerana Duli Tuanku telah sempurna meng-
isytiharkan pembukaan Majlis Pertandingan ini tiga malam yang
lalu dan keberangkatan Duli Tuanku berdua di majlis malam
ini tambah menyerikan peristiwa yang besar maknanya ini.

Ampun Tuanku,

Izinkanlah patik berucap sepatah dua kata kepada para hadirin
sekalian yang hadir.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Y.B. Tuan Pengerusi Majlis Pertandingan, Y.B. Menteri-menteri
Dif-dif yang terhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Saya turut merasa gembira bersama-sama rakyat sekalian
kerana dengan izin Allah Subhanahuwataala, Pertandingan
Membaca Al-Quran peringkat Kebangsaan dan antarabangsa yang
berjalan selama lima malam berturut-turut telah selesai dengan
sempurna dan dengan penuh kejayaan.

Sukalah saya mengambil kesempatan ini terlebih dahulu
mengucapkan tahniah kepada para peserta yang telah menang
dalam pertandingan tahun ini dan seperti yang sama-sama di-
maklum telah mencatatkan mutu bacaan yang tinggi.

¹ Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Almarhum Sultan Badlishah.

² Tuanku Bahiyah binti Almarhum Tuanku Abdul Rahman.

Seterusnya saya juga ingin merakamkan terimakasih serta pujian khasnya kepada Y.B. Tan Sri Syed Nasir Ismail, Pengerusi Jawatankuasa Pusat Pertandingan ini, dan juga kepada ahli-ahli Jawatankuasa yang lain atas pengorbanan dan kerjasama yang telah mereka curahkan semata-mata untuk menjayakan Pertandingan tahun ini.

Begitu juga saya ingin memuji serta berterimakasih kepada Kementerian Penerangan dan pihak-pihak lain yang berkenaan kerana Pertandingan tahun 1393 ini meneroka sejarah perhubungan yang baru oleh sebab buat pertama kalinya pertandingan antarabangsa disiarkan terus menerus kepada beberapa negara jiran dan negara-negara Islam di Asia Barat melalui satelit bumi kita di Kuantan. Ini adalah satu tapak kemajuan yang boleh dibanggakan dalam usaha memuliakan Kitab Suci Al-Quran di samping memuliakan bulan Ramadan yang mubarak ini.

Selama lima malam berturut-turut, rakyat sekalian, khasnya mereka yang beragama Islam, telah menikmati bacaan Al-Quran yang tinggi mutunya serta disulami dengan nasyid dan Qasidah. Sebagai acara istimewa, kali ini orang ramai dapat pula menikmati satu pantomine yang amat menarik hati, menggambarkan kegiatan-kegiatan yang lazimnya dilakukan dan sepatutnya dilakukan oleh umat Islam dalam mengejar kemajuan ekonomi di zaman moden ini.

Sesungguhnya acara ini adalah satu pengajaran yang baik dan sepatutnya menjadi sumber inspirasi serta menaikkan semangat ingin maju terutama untuk jenerasi muda.

Saya percaya dengan ajaran yang didapati daripada pantomine itu dan juga daripada ayat-ayat suci yang telah diperdengarkan, rakyat ramai akan memahami betul-betul hakikat bahawa Islam adalah agama yang dinamis dan progresif, yang menghendaki umatnya sentiasa berusaha untuk mencapai kemajuan di dunia supaya mereka hidup dalam keadaan sempurna makmur dan bahagia.

Sayugialah kita faham tanpa kerukunan dan kesempurnaan hidup di dunia kita tidak akan dapat mengerjakan ibadat dengan sempurna untuk bekalan di akhirat kelak. Inilah intisari ataupun hikmat yang terkandung dalam Tema "Pembangunan Ekonomi dan Islam" yang telah kita pilih bagi majlis Pertandingan tahun ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan,


Seperti di masa-masa yang lalu, Pertandingan yang kita adakan tahun ini mendapat kejayaan penuh oleh kerana adanya sambutan dan kerjasama negara-negara sahabat dan negara-negara Islam. Bagi pihak Kerajaan dan rakyat Malaysia, suka saya mengulangi sekali lagi ucapan terimakasih kepada mereka sambil mengharapkan semoga hubungan kerjasama dan silaturahmi antara rakyat dengan rakyat akan terus berkekalan.

Kepada Kerajaan dan rakyat Republik Arab Mesir dan Syria serta semua negara-negara Arab yang sedang menghadapi pergolakan perang dengan Israel, kita suka menyampaikan simpati dan sokongan kita dalam usaha-usaha mereka menebus kembali wilayah mereka yang telah dirampas oleh musuh itu. Kita berdoa semoga perjuangan suci mereka itu akan disertai Allah dan berakhir dengan kemenangan yang membolehkan tanahair mereka jatuh balik ke tangan mereka. Kita juga mendesak Kuasa-kuasa Besar supaya jangan campur tangan di dalam pertelingkahan ini yang boleh membawa akibat yang buruk. Langkah ini kita telah ambil bersama-sama dengan Negara-negara berkecuali yang lain di Bangsa-bangsa Bersatu.

Saya suka juga mengumumkan bahawa sebagai sumbangan kita kepada saudara-saudara Islam, Kerajaan Malaysia akan mengirimkan bekalan ubatan—medical supplies—bernilai kira-kira \$50,000 kepada negara-negara Islam yang sedang berperang mati-matian mempertahankan tanahair mereka.

Ampun Tuanku beribu-ribu ampun,

Sekianlah sahaja ucapan patik dan dengan perasaan penuh takzim, patik memohon sudilah apa jua kiranya Duli Tuanku menyampaikan hadiah kepada pacal-pacal pemenang dalam Pertandingan Membaca Al-Quran tahun Hijrah 1393 ini. Ampun Tuanku.



Tun Abdul Razak bin Hussein sedang memerhati sebahagian dari buku-buku ketika melawat Perpustakaan Negara di bangunan UMBC, Kuala Lumpur pada 19hb Oktober, 1973.

(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)